

17 MAY 1997

MALAYSIA BINCANG UNDANG-UNDANG SIBER DENGAN RAKAN ASEAN

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Malaysia akan berbincang dengan rakan-rakannya dalam Asean bagi mencapai kata sepakat ke arah menyediakan undang-undang siber yang seragam termasuk menubuhkan mahkamah siber untuk melindungi kepentingan pelabur dalam industri teknologi maklumat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata perbincangan awal mengenai perkara itu akan diadakan semasa mesyuarat peringkat Asean pada Julai dan sidang kemuncak Asean akhir tahun ini, kedua-duanya akan berlangsung di sini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah Cyberjaya, bandar pintar pertama negara di sini, beliau berkata soal itu perlu dibincangkan dulu di kalangan anggota Asean supaya "kita tahu pendapat dan perasaan" pemimpin Asean yang lain mengenainya.

Asean terdiri daripada Malaysia, Brunei, Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand dan Vietnam.

"Selagi kita tidak bersetuju mengenai sesuatu standard, kita akan menyalahgunakan media berkenaan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata masyarakat dunia akhirnya akan menerima teknologi baru itu yang nampaknya tidak bersempadan.

Dalam lawatannya ke Amerika Syarikat awal tahun ini bagi mempromosikan Koridor Raya Multimedia, Dr Mahathir memberi jaminan kepada pelabur IT di negara itu bahawa Malaysia memberi keutamaan kepada undang-undang siber bagi melindungi kepentingan mereka. -- BERNAMA

ARA MAI